

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[ WANGSA MAJU ]**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [ WANGSA MAJU ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan dengan merujuk kepada satu laporan berita pada 2 Oktober 2021 mengenai siasatan sisa buangan berjadual:

- a) siapakah pihak yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan terhadap syarikat yang menyeludup sisa buangan berjadual secara haram; dan
- b) dengan memalsukan kod kastam, dalam kes ini, SPRM, Jabatan Kastam dan Jabatan Alam Sekitar telah mengakui bahawa perkara ini telah lama berlaku dan ketiga-tiga pihak berkuasa dalam undang-undang untuk mengambil tindakan tetapi mengapa sehingga ke hari ini masih tiada penangkapan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Buangan terjadual merupakan buangan yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) di mana Jabatan Alam Sekitar (JAS) merupakan agensi yang bertanggungjawab memastikan penguatkuasaan ke atas pengurusan buangan terjadual dilaksanakan mengikut kehendak yang telah ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Selain itu, JAS juga merupakan agensi yang bertanggungjawab mengawal pengimportan dan pengeksportan buangan terjadual.
2. Untuk makluman, di peringkat antarabangsa, Konvensyen Basel telah diwujudkan untuk mengawal pergerakan merentas sempadan dan pengurusan pelupusan buangan terjadual dan Malaysia adalah merupakan ahli kepada Konvensyen ini. Di bawah Konvensyen Basel, JAS adalah merupakan *Focal Point* dan Pihak Berkuasa Kompeten (*Competent Authority*) di Malaysia yang perlu dinotifikasi oleh negara pengeksport bagi sebarang kemasukan buangan terjadual.
3. Merujuk kepada kes-kes penyeludupan, ianya akan melibatkan pelbagai agensi termasuklah pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KASTAM) yang merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam menjaga pintu-pintu masuk negara. Pihak KASTAM akan menentukan penggunaan HS Kod (*Harmonised System Code*) atau dikenali sebagai penjenisan barang dagangan dan akan mengambil tindakan sekiranya berlaku sebarang kesalahan.
4. Dalam hal penyeludupan buangan terjadual, pihak JAS selaku Pihak Berkuasa Kompeten tidak ditempatkan di pintu masuk negara bagi tujuan pemeriksaan kontena buangan terjadual. Walau bagaimanapun, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) akan sentiasa bekerjasama dengan pihak KASTAM bagi memastikan penyeludupan buangan terjadual ini dapat dikawal.

## SOALAN NO : 41

5. Berdasarkan data yang direkodkan oleh JAS mendapati 90% pengimportan haram adalah melibatkan penggunaan HS Kod yang tidak tepat di mana pengimport dilakukan dengan menggunakan HS Kod yang tidak mempunyai kawalan oleh mana-mana agensi. HS Kod yang digunakan oleh pengimport ini adalah melibatkan HS Kod sekerap logam. Melalui kaedah ini, pengimportan tidak memerlukan apa-apa kelulusan dari mana-mana agensi termasuklah JAS dan pengimportan boleh dibuat tanpa sebarang halangan.

6. Walaupun perkara ini disedari berlaku, namun penangkapan sukar dilaksanakan kerana pengimportan dibuat dengan menggunakan pelbagai kaedah termasuk menggunakan alamat dan nama syarikat yang tidak wujud yang menyukarkan siasatan oleh pihak berkuasa.

7. Untuk makluman, bagi tempoh 1 Januari 2021 hingga 21 Oktober 2021, terdapat 95 kes pengimportan haram buangan terjadual melibatkan 154 kontena telah ditahan dan arahan penghantaran pulang kontena telah dikeluarkan oleh JAS. Dari jumlah tersebut sebanyak 98 kontena telah berjaya dihantar balik dan dikeluarkan dari Malaysia. Kes ini melibatkan penghantaran ke negara seperti Amerika Syarikat, Mexico, Jepun, Australia, Belgium, Perancis, Hong Kong, Nigeria dan Emiriah Arab Bersatu.

8. Secara prinsipnya, KASA akan meneruskan usaha membanteras kegiatan pengimportan haram buangan terjadual dengan menggunakan sumber sedia ada (walaupun terdapat kekangan kakitangan dan logistik di pihak JAS) demi memastikan negara tidak dijadikan tempat pelupusan sampah dunia.

9. JAS juga menegaskan mengenai polisi yang telah ditetapkan, bahawa sebarang **pengeksporan dan pengimportan** buangan terjadual **bagi tujuan pelupusan** adalah **tidak dibenarkan**. Selain itu, pengimportan buangan terjadual juga tidak dibenarkan bagi tujuan pemerolehan kembali.

Sekian, terima kasih.